

Selepas Felcra, PAS gerakkan siri saman ke atas Felcra
The Malaysian Insider
25 Ogos 2011
Oleh Syed Mu'az Syed Putra

KUALA LUMPUR, 25 Ogos - PAS akan menggerakkan saman besar-besaran terhadap Felcra selepas sambutan Aidilfitri berhubung kepincangan dalam agensi itu terutama melibatkan bayaran dividen yang dibuat melalui koperasi.

Pengerusi Lajnah Pembangunan Tanah dan Wilayah PAS pusat Mazlan Aliman (gambar) berkata, kepincangan dan penyelewengan membabitkan pengurusan Felcra lebih teruk daripada Felcra.

Jelas beliau, terdapat satu kes di Perak di mana peneroka berjaya mendapat perisytiharan mahkamah bahawa bayaran pendapatan melalui koperasi dibuat tanpa mendedahkan jumlah hasil yang diterima.

"Saman besar-besaran ini akan dibuat selepas Hari Raya Aidilfitri ini dan ia adalah rentetan daripada siri saman sebelum ini yang kita telah buat ke atas Felcra dan dalam isu Felcra kita lihat salah laku dan penyelewengan yang berlaku dalam Felcra jauh lebih buruk daripada kepincangan yang berlaku dalam Felcra.

"Di Felcra pendapatan peneroka dibayar dengan dividen melalui koperasi, dalam setahun peneroka akan dapat pembayaran sebanyak empat kali dan apa yang jadi isu adalah kiraan (pembayaran) itu tidak dibuat ikut jumlah tan... masalahnya peserta tidak tahu apa jumlah tan mereka dapat kerana pendapatan mereka dibayar secara langsung tanpa didedahkan jumlah tan sebenar," katanya pada sidang media di sini.

Kempen itu akan digerakkan Badan Bertindak Peserta Felcra (Bapa) – pertubuhan bukan kerajaan yang khusus ditubuhkan oleh PAS.

Kata Mazlan, pendapatan yang diterima peneroka Felcra jauh lebih rendah daripada angka sebenar.

"Kita lihat kes saman di Perak, waris peserta Felcra tidak berpuas hati dengan pendapatan yang diterima hasil daripada lima ekar tanah, biasanya dalam lima ekar dia boleh dapat antara tiga hingga empat tan dan ia sepatutnya mencecah kira-kira RM1,800 ke atas tapi apa yang berlaku dia hanya dapat RM200 sebulan.

"Kalau satu tan harga boleh dapat RM600 lebih macam mana dia hanya dapat RM200 sebulan? Jumlah yang dia dapat terlalu rendah dan mahkamah telah memutuskan bahawa memang berlaku penipuan dan penyelewengan terhadap pendapatan para peserta Felcra, apa yang mereka dapat terlalu rendah dan tidak masuk akal," katanya.

Justeru jelas beliau, bayaran pendapatan peneroka melalui koperasi perlu dihentikan kerana ia mengetepikan hak yang sepatutnya.

"Ini satu amalan yang sangat tidak beretika, kita telah meneliti kepincangan selain turut mengadakan perjumpaan dengan panel guaman kita dan berdasarkan kes yang sama, kita telah menerima beberapa aduan daripada peneroka Felcra termasuk dari Terengganu,

Pahang, Perak dan Johor.

“Dan, panel kita akan mengkaji secara terperinci mengikut kes ini dan kita akan failkan selepas raya nanti,” katanya.

Bagaimanapun Mazlan berkata koperasi boleh bertindak sebagai “orang tengah” untuk menguruskan hal-hal berkaitan dengan pengurusan sahaja bukan pendapatan peneroka.

“Koperasi boleh jadi orang tengah untuk penjualan hasil, koperasi tidak boleh mengawal, bila mengawal berlaku kepincangan dan amalan pembayaran dividen harus dihentikan kerana peneroka sepatutnya dapat hak yang telah mereka usahakan,” katanya.

PAS juga telah menubuhkan Persatuan Anak-anak Peneroka Kebangsaan (Anak) bagi menyelesaikan masalah yang membabitkan warga peneroka di Felda.

Bapa dipengerusikan Razman Zakaria manakala Anak oleh Mazlan, yang juga ahli jawatankuasa kerja PAS pusat.

The Malaysian Insider

Copyright © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/selepas-felda-pas-gerakkan-siri-saman-ke-atas-felcra/>